

Sintok: Pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), masing-masing muncul juara kategori lelaki dan wanita Kejohanan Futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Sirkuit Zon Utara, Piala Menteri Pendidikan 2015.

Kejohanan berlangsung di Pusat Sukan UUM itu menyaksikan kejayaan UIAM membenam Universiti Teknologi MARA (UiTM), 3-0 pada saingan akhir kategori lelaki.

Kejayaan itu melayakkan UIAM menerima hadiah wang tunai RM3,000 dan sijil penyertaan, manakala UiTM dan UUM, masing-masing menerima RM2,000 dan RM750 berserta sijil penyertaan.

Bakat baharu

Kategori wanita pula melayakkan UPM menerima RM1,500 dan tempat kedua disandang pasukan Kolej Komuniti Melaka

Kejohanan Futsal IPT milik UIAM, UPM



Aksi peserta saingan akhir kategori wanita.

dengan hadiah RM400 dan sijil penyertaan.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Pengarah Pusat Sukan UUM, Shafferi Rejab.

Kejohanan selama empat

hari itu berjaya menarik penyertaan 24 pasukan lelaki dan wanita dan menjadi platform terbaik bagi melahirkan lebih ramai bakat baharu dalam arena sukan berkenaan.



Pasukan UPM muncul juara bagi kategori wanita.